



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEDAH**

**SYARIKAT PEMBUATAN BESI DIDAPATI BERSALAH KERANA GAGAL
MELAPORKAN KEMALANGAN HILANG UPAYA KEKAL (HUK) KEPADA JABATAN
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) KEDAH**

Alor Setar, 4 Julai – Sebuah syarikat pembuatan besi hari ini telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen Alor Setar selepas mengaku bersalah atas kesalahan gagal melaporkan kemalangan dengan serta merta kepada JKPP Kedah dengan cara yang paling cepat yang ada bagi kemalangan hilang upaya kekal (HUK) yang berlaku terhadap pekerjaannya. Hakim Puan Juraidah binti Abbas telah mengarahkan syarikat tersebut membayar denda sebanyak RM 5,000.00 atau penjara selama 5 bulan sekiranya gagal membayar denda.

Syarikat pembuatan besi ini telah dituduh melakukan kesalahan di bawah Peraturan 5(1)(b)(aa) dan (bb), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004, Akta keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa yang dilantik dari JKPP Kedah, Mohd Najib Bin Anuar. Siasatan terhadap kes pula telah dijalankan oleh pasukan penyiasat yang diketuai oleh Mohammad Afdzal Bin Abu Seman.

###

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Kedah

04 Julai 2018